

Kos sara hidup tinggi: Majikan persemak semula gaji - JobStreet

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
ekonomiutusan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Majikan disaran mempertimbangkan semua tahap gaji berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat selain menjadikannya sebagai sebahagian daripada strategi menarik tenaga kerja berkualiti, kata JobStreet Malaysia.

Pengarah Urusannya, Vic Sithasanan berkata, jika paras gaji median kekal sementara kos sara hidup terus meningkat, ini secara semula jadi akan mendorong pencari kerja untuk memberi lebih tumpuan kepada gaji.

"Penyelidikan kami mendapati 27 peratus daripada warga Malaysia menganggap pampasan kewangan sebagai faktor penentu apabila menerima tawaran pekerjaan, melebihi purata global iaitu 21 peratus.

"Namun, syarikat yang mungkin merasakan tekanan untuk bersaing dari segi tahap gaji juga harus mengingati faktor lain yang boleh memberi kesan kepada perekrutan dan menyerlahkan kelebihan mereka.

"Ketelusan dan keterbukaan semakin dihargai dan keseim-



MAJIKAN perlu mempertimbangkan kenaikan gaji pekerja bagi menarik tenaga kerja yang berkualiti di sebalik keadaan semasa di mana rakyat berdepan kos sara hidup yang semakin tinggi. - GAMBAR HIASAN

bangan kerja dan kehidupan adalah satu keutamaan bagi majoriti rakyat. Syarikat perlu memastikan mereka boleh

mewujudkan kepercayaan dan budaya korporat yang memenuhi jangkaan pencari kerja moden," katanya.

Panduan Gaji 2023 JobStreet mendapati sebanyak 97.3 peratus daripada penyenaiaan pekerjaan menawarkan tahap

gaji yang serupa dengan lepas.

Industri teknologi maklumat menyaksikan kenaikan gaji tinggi, meningkat daripada RM3,750 kepada RM4,800.

Pakar komputer mempunyai gaji tinggi antara semusuaian iaitu RM6,000.

Menurut Sithasanan, peningkatan permin IT adalah disebabkan kerajaan telah bertransformasi digital. Trend ini mungkin akan berterusan dalam jangka panjang.

"Ia juga jelas bahawa berhentian pekerja memberi kesan kepada teknologi utama dunia pada awal tahun ini. Pertumbuhan tidak mampan dalam masa panjang.

"Sebaik-baiknya, industri pendidikan Malaysia harus memastikan untuk meletakkan asas kukuh untuk meluluskan ramai pakar IT dalam jangka panjang.

TARIKH: 21/9/23.
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia.
MUKA SURAT: 34.